



"1MALAYSIA: RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN"

KP:BT.8945/Jld.30/(51)
 23 Julai 2009
 1 Syaaban 1430

Semua Pengarah Pelajaran Negeri

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan,

SURAT ARAHAN PENTADBIRAN

Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT):

- Cadangan Tempoh Memegang Jawatan Guru SPBT Sekolah

Dengan hormatnya Bahagian ini merujuk perkara kepada perkara di atas.

2. Bahagian ini ingin memaklumkan bahawa hasil daripada lawatan pemantauan dan pemeriksaan pengurusan SPBT ke sekolah-sekolah di seluruh negara mendapati terdapatnya jawatan Guru SPBT Sekolah yang sentiasa diluar ganti seliap tahun tanpa mengambil kira latar belakang pengalaman seseorang Guru SPBT. Untuk makluman YBhg. Datuk/Dato'/Tuan, pengurusan SPBT sekolah memerlukan kemahiran teknikal yang di antaranya adalah membuat permohonan, peminjaman, pemulangan dan mengendali stok buku teks serta penggunaan Sisteksbbt secara berkomputer. Oleh yang demikian seseorang Guru SPBT itu memerlukan masa dan pengalaman untuk mendapat kemahiran teknikal mengurus buku teks dalam tempoh satu tahun. Walau bagaimanapun setelah mendapat kemahiran teknikal tersebut, Guru SPBT tersebut telah digantikan dengan Guru SPBT yang baru apabila sesi tahun baru persekolahan dibuka. Hal ini akan menimbulkan semula masalah dalam pengurusan SPBT yang sentiasa diberi teguran oleh Jabatan Audit Negara.

3. Sehubungan dengan itu, Bahagian ini ingin mencadangkan agar semua Guru SPBT Sekolah di bawah pentadbiran YBhg Datuk/Dato'/Tuan dapat diselaraskan untuk memegang jawatannya sekurang-kurangnya TIGA (3) TAHUN agar ianya dapat memberikan tempoh masa yang cukup bagi guru tersebut memantapkan pengurusan SPBT sekolah dan seterusnya dapat memberikan tunjuk ajar kepada pelapis yang akan menggantikannya selepas tempoh tersebut.

4. Sukacita Bahagian ini meminta kerjasama untuk memaklum dan memanjangkan surat ini ke sekolah-sekolah di bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Dato'/Tuan.

Atas tindakan dan keprihatinan YBhg. Datuk/Dato'/Tuan dalam hal ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(HJ MOHD ADENAN B. DERAMAN)

Pengarah
Bahagian Buku Teks
Kementerian Pelajaran Malaysia

sk.

- i. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
- ii. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
(Sektor Dasar dan Pembangunan Pendidikan)
- iii. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
(Sektor Operasi Sekolah)
- iv. Pengarah Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
- v. Pengarah Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh/ Kluster
- vi. Pengarah Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional
- vii. Pengarah Bahagian Pendidikan Islam



BAHAGIAN SEKOLAH
 JABATAN SEKOLAH
 KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
 ARAS 3 & 4, BLOK E2,
 KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E
 PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
 62604 PUTRAJAYA

Lampiran 5

9

Tel : 03-88849000
 Fax :

Laman web: <http://www.moe.gov.my>

KP(BS/DSR)8787/008/(12)
 14 Februari 2005

Haji Ab. Rashid bin Yaakob
 Pengarah Bahagian Buku Teks
 Jabatan Sekolah
 Kementerian Pelajaran Malaysia
 Aras 1 - 3 Blok E15, Kompleks Kerajaan Parcel E
 62604 Putrajaya

Tuan,

**KELAB SKIM PINJAMAN BUKU TEKS (SPBT) SEKOLAH
 DIIKTIRAF DAN DIDAFTARKAN SEBAGAI AKTIVITI KOKURIKULUM**

Dengan hormatnya surat Tuan mengenai perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa permohonan untuk mengiktiraf penubuhan KELAB SKIM PINJAMAN BUKU TEKS (KELAB SPBT) di sekolah-sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan seluruh negara sebagai salah satu aktiviti kokurikulum telah dipersetujui dan diluluskan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia seperti yang diperuntukkan di Peraturan 4 (e) Penubuhan Persatuan Sekolah dalam PERATURAN-PERATURAN PENDIDIKAN (PERSATUAN SEKOLAH) 1998 iaitu


(e) apa-apa persatuan lain yang diluluskan oleh Pendaftar.

3. Sehubungan ini, semua Guru Besar dan Pengetua sekolah yang berhasrat menubuhkan Kelab SPBT di sekolahnya hendaklah mendapatkan kelulusan bertulis dari Pendaftar negeri masing-masing bagi tujuan pendaftaran kelab tersebut.

Sekian, untuk makluman dan tindakan pihak tuan, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,



 SALLEH BIN MOHD. HUSEIN
 Pengarah Bahagian Sekolah
 b/p Ketua Pendaftar
 Kementerian Pelajaran Malaysia

- s.k:
1. Y.B. Dato' Hishammuddin Tun Husein, Menteri Pelajaran Malaysia
 2. Y.B. Dato' Hon. Choon Kim, Timbalan Menteri Pelajaran Malaysia
 3. Y.B. Dato' Mahadzir Bin Mohd Khir, Timbalan Menteri Pelajaran Malaysia
 4. Y.B. Puan Komala Devi, Setiausaha Parlimen, Kementerian Pelajaran Malaysia
 5. Ketua Setiausaha, Kementerian Pelajaran Malaysia
 6. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha, Kementerian Pelajaran Malaysia
 7. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Kementerian Pelajaran Malaysia
 8. Ketua-Ketua Bahagian, Kementerian Pelajaran Malaysia
 9. Ketua-Jemaah Nazir Sekolah, Kementerian Pelajaran Malaysia
 10. Perisai Undang-Undang Kementerian Pelajaran Malaysia
 11. Semua Pengarah Pelajaran Negeri
 12. Pegawai Perhubungan Awam, Kementerian Pelajaran Malaysia

Bi
 Se
 ba
 Ba
 mi
 (a)
 (b)
 (c)
 (Sil
 ber

(c)
 (e)

Tand:
 Nama
 Tarikh



Office of Director-General of Education Malaysia

ARAS 8, BLOK E8,

Level 8, Block E8,

KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E

Government Complex Parcel E

PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

Federal Government Administrative Centre

62604 PUTRAJAYA

Tel : 03-8884 6077

Fax : 03-8889 4548

Laman web : <http://www.moe.gov.my>

KP/KPPM/5 (72)

16 November 2010

Semua Pengarah Pelajaran Negeri

Y. Bhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,


SURAT ARAHAN PENTADBIRAN:

Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT) Kegunaan Tahun 2011 : Persediaan Awal Sekolah Berkaitan Pembekalan Buku Teks SPBT Sebelum Hari Pertama Sesi Baru Persekolahan Tahun 2011 Dibuka

Surat arahan pentadbiran dikeluarkan untuk memaklumkan semua pihak berkenaan untuk membuat persediaan awal berkaitan buku teks SPBT sebelum sesi persekolahan tahun 2011. Ini selaras dengan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) ketiga yang diterajui oleh YAB Menteri Pelajaran Malaysia iaitu meluaskan akses pendidikan berkualiti dan berkemampuan.

2. Sehubungan itu, bagi menetapkan dan mengukur pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) serta Touch Point Kementerian Pelajaran Malaysia, semua sekolah diminta untuk memastikan semua murid terutamanya di Tahun Satu dan Tingkatan 1 telah mempunyai keperluan asas iaitu kerusi, meja dan buku teks pada hari pertama sesi baru persekolahan tahun 2011 dibuka. Memandangkan buku teks SPBT merupakan antara isu yang sering ditimbulkan oleh semua pihak pada setiap tahun di awal penggal sesi baru persekolahan dibuka, maka semua pihak haruslah mengambil langkah proaktif untuk menangani isu tersebut.

3. Sehubungan itu, Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran Daerah dan peringkat sekolah hendaklah mengambil langkah-langkah yang digariskan seperti pada Lampiran A (Langkah-Langkah dan Persediaan Awal Berkaitan Pembekalan Buku Teks SPBT). Adalah diharapkan dengan inisiatif Y. Bhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan terhadap hal ini akan dapat menyelesaikan banyak masalah yang timbul sebelum hari pertama sesi baru persekolahan tahun 2011.



BAHAGIAN BUKU TEKS
JABATAN SEKOLAH
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
TINGKAT 12-14, 17 & 20, BANGUNAN BANK PERTANIAN
LEBOH PASAR BESAR
50604 KUALA LUMPUR
<http://www.moe.gov.my>

Telefon : 03-20987507
No. Fax : 03-26939000
No. Fax : 03-26929304

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami :

Tarikh : KP.BT.8945/Jld.18 (86)

17 Jun 2003

24 Rabiulakhir 1424H

Pengarah
Semua Jabatan Pendidikan Negeri

Y.Bhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

PEMULANGAN BUKU TEKS SPBT BAGI MURID KELAS PEPERIKSAAN

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Y. Bhg. Dato' KPPM amat prihatin terhadap keperluan buku teks bagi semua murid, terutamanya murid-murid tahun 6, tingkatan 3 dan 5 yang akan menduduki peperiksaan awam.

3. Berpandukan keperhatian berkenaan, murid tahun 6 dan murid tingkatan 3 serta 5 di bawah program Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT) dibenarkan menyimpan buku teks SPBT sehingga hari terakhir murid-murid ini menduduki peperiksaan awam.

4. Bagi murid tingkatan 4 di bawah program SPBT, buku teks SPBT boleh digunakan sebagai bahan ulangkaji sepanjang cuti akhir tahun persekolahan. Buku teks SPBT akan dikutip semula pada tahun berikutnya sebaik sahaja murid-murid ini mendapat bekalan buku teks SPBT tingkatan 5.